

# Dasar Luar Negara

1. Malaysia akan terus melaksanakan dasar luar yang bebas, berprinsip dan pragmatik serta berasaskan nilai-nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan. Teras utama dasar luar Malaysia adalah untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan negara serta untuk menyumbang secara bermakna ke arah masyarakat dunia yang adil dan saksama melalui perhubungan diplomasi yang efektif.
2. Dasar luar Malaysia dipengaruhi dan dibentuk oleh tiga faktor utama iaitu lokasi Malaysia yang strategik di Asia Tenggara, ciri-ciri Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan dan demografi penduduk yang unik. Prinsip asas dasar luar Malaysia masih kekal sejak kemerdekaan walaupun pendekatan kepada pelaksanaan dasar luar berubah berdasarkan faktor domestik dan faktor luaran semasa. Penggubalan dasar luar sentiasa berpandukan kriteria-kriteria kredibiliti, konsistensi dan kepaduan yang telah bertindak memelihara kepentingan negara.
3. Keutamaan terus diberikan kepada ASEAN yang merupakan teras kepada dasar luar Malaysia. Penubuhan Komuniti ASEAN pada 2015 telah mempertingkatkan pendekatan dan penglibatan Malaysia dalam hubungan kerjasama serantau. Pada masa yang sama, pengukuhan aspek-aspek hubungan dua hala dan pelbagai hala

antara Malaysia dan dunia sejagat akan terus menjadi fokus penting. Kesejahteraan negara adalah berasaskan hubungan mesra dan kukuh dengan negara-negara lain beserta komitmen negara terhadap sistem pelbagai hala.

4. Di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Malaysia terus mempromosi dasar luar yang berpragmatik dan berwawasan supaya dapat memudahkan perdagangan, menarik pelaburan asing serta memacu Malaysia sebagai sebuah negara yang stabil dan aman. Malaysia akan terus berusaha untuk menggalakkan kesederhanaan melalui inisiatif Global Movement of the Moderates (GMM) dan berusaha untuk menyumbang secara positif ke arah penyelesaian konflik secara aman di serata dunia.
5. Sebagai anggota PBB, Malaysia adalah komited sepenuhnya dalam mewujudkan keamanan, keselamatan dan kemakmuran melalui hubungan pelbagai hala. Sumbangan Malaysia dalam operasi pengaman di bawah PBB adalah testimoni dedikasi negara dalam melaksanakan mandat daripada masyarakat antarabangsa dalam mewujudkan keamanan dan keselamatan global. Malaysia juga akan terus mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan dan usaha ke arah mencari penyelesaian secara aman kepada pelbagai isu-isu global melalui platform PBB dan forum-forum antarabangsa. Malaysia berpegang teguh dengan prinsip penglibatan bersama dan kerjasama serta menolak sikap pemencilan dan tindakan secara unilateral.

6. Dari segi kerjasama teknikal dengan negara-negara membangun yang lain, Malaysia telah bekerjasama dengan negara-negara lain melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan melalui pelbagai mekanisme dasar luar negara. Ini termasuklah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dan melalui pautan seperti Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), bantuan kemanusiaan dua hala serta melalui program-program diplomasi awam.
7. Sebagai sebuah negara yang mempunyai majoriti penduduk Islam yang ramai, Malaysia juga memberi kepentingan kepada perpaduan Ummah dan semangat kerjasama di kalangan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). Status Malaysia sebagai sebuah negara membangun adalah penting bagi Malaysia untuk melibatkan diri secara aktif dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Komanwel, Kumpulan G77 (G77), Kumpulan 8 Negara Membangun (D8), Dialog Asia-Timur Tengah (AMED), Forum Kerjasama Asia Timur-Amerika Latin (FEALAC), Persatuan Lingkaran Lautan Hindi (IORA), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).
8. Melalui pertubuhan-pertubuhan ini, Malaysia telah berusaha untuk menggalakkan Kerjasama Selatan-Selatan di kalangan negara-negara membangun dan dunia Islam. Malaysia juga menyokong dasar "memakmurkan jiran" untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama ekonomi dengan negara-negara jiran melalui rangka kerja seperti

Brunei-Indonesia-Malaysia-the Phillippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA), Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMTGT) dan entiti lain.

9. Selaras dengan objektif mempromosi dan melindungi kepentingan Malaysia di luar negara, sejumlah 110 perwakilan diplomatik di 84 buah negara serta sebuah pejabat persahabatan dan perdagangan telah ditubuhkan. Perwakilan diplomatik Malaysia di luar negara terdiri daripada Kedutaan Besar, Suruhanjaya Tinggi serta pejabat-pejabat Konsulat Jeneral dan Konsulat.
  
10. Dalam menghadapi persekitaran global yang kompleks serta hubungan antarabangsa yang semakin berkembang. Pendirian Malaysia akan terus berpandukan prinsip-prinsip menghormati kemerdekaan, kedaulatan, keutuhan wilayah dan sikap tidak mencampuri urusan negara lain, penyelesaian masalah secara aman, kewujudan bersama secara harmoni dan hubungan yang saling memanfaatkan.

Sumber: [Kementerian Luar Negeri, Malaysia.](#)